



Lembaran Kerja Pendidikan Moral Tahun 6
Unit 4 : Berterima Kasih
Disediakan oleh: Cikgu Norizatul Asma binti Samad
SK Segari, Lumut Perak

A. Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** pada amalan yang menunjukkan sikap menghargai jasa dan pengorbanan tokoh negara.

1. Hari Pahlawan disambut setiap tahun untuk menunjukkan rasa penghargaan rakyat Malaysia kepada perajurit negara.

2. Cikgu Izatul menganjurkan rombongan untuk murid-muridnya melawat Tugu Negara kelmarin.

3. Salah satu cara untuk kita menunjukkan rasa menghargai jasa tokoh negara ialah selalu berbual-bual dengan mereka di rumah..

4. Menjaga keharmonian dan keselamatan negara merupakan salah satu cara menghargai jasa tokoh yang terdahulu.

5. Encik Ramli sering membeli buku yang menceritakan tentang kewibawaan tokoh-tokoh negara kepada anak-anaknya.

6. Tokoh negara yang menyumbang kepada kemerdekaan negara sahaja yang wajar kita hargai.

7. Kita sepatutnya tidak menghiraukan keadaan bekas-bekas tokoh negara yang sudah tua dan uzur.

8. Sebagai tanda penghargaan terhadap tokoh negara, mereka dikurniakan darjah kebesaran oleh sultan.

9. Setiap sekolah haruslah membuat sudut yang mempamerkan gambar-gambar tokoh serta jasa mereka.

10. Jasa-jasa tokoh yang pernah memberi sumbangan kepada negara tidak perlulah diiktiraf.